

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) data dan pencapaian yang telah dicapai dalam skim PENJANA untuk Pembangunan Sumber Manusia di mana Kerajaan telah memperuntukkan RM250 juta untuk skim ini; dan
- (b) adakah geran ini telah digunakan sepenuhnya dan menyatakan jumlah pekerja yang telah dimanfaatkan dan memperolehi pekerjaan melalui skim ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melancarkan inisiatif PENJANA HRDCorp dengan objektif untuk menyokong agenda Kerajaan di dalam memulihkan ekonomi negara yang terkesan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Lima (5) skim telah diperkenalkan melalui inisiatif ini yang terdiri daripada *Place & Train*, *B40 Development*, *SME Development*, *Industrial Revolution 4.0* dan *Gerak Insan Gemilang*. Skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk membantu rakyat dalam mendapat penempatan pekerjaan, *self-employed* serta menambah dan meningkatkan kemahiran mereka.

Peruntukan berjumlah RM250 juta yang diterima telah digunakan sepenuhnya. Setakat 31 Ogos 2021, PSMB telah meluluskan sebanyak 85,527 pelatih. Daripada jumlah tersebut, 67,255 pelatih telah mengikuti skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri.

PSMB menerima permohonan latihan melebihi jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan. Oleh itu, PSMB telah memadankan jumlah tersebut menggunakan levi PSMB sebanyak RM250 juta bagi memastikan lebih ramai yang terkesan mendapat manfaat melalui inisiatif ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa polis menghalang ahli-ahli Parlimen memasuki bangunan Parlimen pada 2 Ogos, 2021 dan siapa yang mengarahkan pihak polis berbuat demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Merujuk kepada pemberitahuan oleh Setiausaha Dewan Rakyat melalui surat bertarikh 31 Julai 2021, mantan YAB Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa persidangan Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen ke-14 pada Isnin, 2 Ogos 2021 ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Penangguhan ini dibuat adalah selaras dengan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan yang mengesahkan bahawa Parlimen Malaysia merupakan lokaliti berisiko untuk berlakunya penularan jangkitan COVID-19.

Oleh demikian, adalah menjadi tanggungjawab pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selaku pasukan yang menguatkuasakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] untuk memastikan sesuatu kawasan yang telah disahkan sebagai kawasan

SOALAN NO : 37

berisiko tidak dimasuki oleh mana-mana individu.